

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]  
**TARIKH** : 25.5.2016  
**SOALAN** :

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) Sama ada Kementerian memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah untuk menjalani aktiviti-aktiviti seperti tarian singa (*Lion Dance Club*);
- (b) Adakah Kementerian menggalakkan sekolah mengutip derma daripada orang ramai untuk meneruskan aktiviti *Lion Dance Club* atau kelab-kelab lain jika peruntukan diperlukan untuk membeli peralatan yang diperlukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan kewangan kepada sekolah untuk menjalankan aktiviti kokurikulum termasuklah aktiviti kelab dan persatuan luar bilik darjah melalui geran perkapita (PCG) seperti yang dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita Dan Enrolmen Murid.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa menggalakkan ibu bapa, masyarakat dan pihak swasta memberi sumbangan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi penekanan terhadap hubungan kerjasama sekolah, ibu bapa dan masyarakat terus diperkukuh melalui Anjakan 9 iaitu **Kerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta secara Meluas.** Di samping itu, melalui inisiatif 66 PPPM juga memberi

fokus kepada peluasan pelibatan sektor swasta. Ini adalah bertujuan untuk membantu pihak sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Walau bagaimanapun, pihak yang hendak memberi sumbangan perlulah mengikut dan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM.

RJM77(a)